



Jabatan Perangkaan  
M A L A Y S I A

## KENYATAAN MEDIA UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 4/2021

### PERSEKITARAN EKONOMI YANG OPTIMISTIK WALAUPUN MENGALAMI SEKATAN PERGERAKAN

**PUTRAJAYA, 23 APRIL 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 4/2021**. Siri ini menyediakan analisis terperinci berdasarkan indikator jangka pendek statistik terkini yang diterbitkan oleh Jabatan dan memaparkan artikel bertajuk Penilaian Ke Atas Permintaan Pasaran Tenaga Buruh di Malaysia Menggunakan Data Kekosongan Pekerjaan Dalam Talian. Artikel ini memberikan perspektif permintaan pasaran tenaga buruh menerusi penggunaan analitik data raya.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Krisis kesihatan dunia yang dihadapi lebih daripada tempoh 16 bulan telah mengubah cara kehidupan dan bekerja kita. Usaha di peringkat global untuk membangun dan mengedarkan vaksin yang efektif telah meningkatkan harapan bagi masa hadapan yang lebih baik. Melihat kepada konteks ekonomi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Singapore pada suku pertama 2021 mencatatkan pemulihan dengan pertumbuhan marginal 0.2 peratus tahun ke tahun selepas mengalami penguncutan bagi tiga suku tahun. Sementara itu, China yang merupakan ekonomi kedua terbesar di dunia mencatatkan pertumbuhan kukuh 18.3 peratus tahun ke tahun didorong oleh kemerosotan ekonomi yang dialami pada suku yang sama tahun sebelumnya (ST1 2020: -6.8%). Pertumbuhan dua digit tersebut disokong oleh pengeluaran perindustrian yang kembali meningkat secara stabil, pengembangan jualan di pasaran, pemulihan pelaburan dalam aset tetap dan momentum yang ketara dalam perdagangan barang luar negeri".

Mengulas lanjut mengenai situasi ekonomi negara pada Februari 2021, Ketua Perangkawan menyatakan, "Statistik utama bagi tempoh dua bulan pertama pada suku pertama 2021 menunjukkan tanda pemulihan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan PKP Bersyarat dilaksanakan hampir di seluruh negeri. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 1.5 peratus pada Februari 2021. Peningkatan tersebut dipacu oleh kenaikan indeks Pembuatan sebanyak 4.5 peratus didorong oleh produk

berorientasikan eksport dan domestik. Selari dengan ini, eksport barang Malaysia terus berkembang dengan kedua-dua eksport dan import merekodkan pertumbuhan dua digit berbanding tempoh yang sama tahun 2020. Eksport merekodkan pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 28 bulan, disumbangkan oleh peningkatan eksport domestik dan eksport semula. Melihat kepada sektor Pertanian, harga minyak sawit mentah menunjukkan nilai tertinggi sejak 13 tahun terdahulu dan harga tersebut berpotensi kekal tinggi selari dengan sentimen semasa yang positif. Sebaliknya, pengeluaran getah asli menunjukkan prospek yang berbeza dengan mencatatkan penurunan marginal berbanding Februari 2020. Walau bagaimanapun, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan peningkatan berikutan pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) di seluruh negara bagi membantu pekebun kecil”.

Menelusuri perspektif harga, kedua-dua indeks menunjukkan trend peningkatan. Indeks Harga Pengeluar pengeluaran tempatan yang mengukur kos barang pada harga di kilang, kembali meningkat tahun ke tahun setelah mengalami pertumbuhan negatif bagi 11 bulan berturut-turut sejak Mac 2020. Indeks Harga Pengguna turut mencatatkan pertumbuhan positif kali pertama pada Februari 2021 sejak 11 bulan yang lalu iaitu sebanyak 0.1 peratus tahun ke tahun. Ini menandakan bahawa inflasi Malaysia akan kembali meningkat bagi bulan akan datang berikutan trend peningkatan harga minyak global yang mempengaruhi harga minyak dalam negara, dan seterusnya akan mendorong kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Merujuk kepada pasaran buruh, berasaskan tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja masih menunjukkan trend penurunan manakala kadar pengangguran kekal tinggi. Namun demikian, bilangan penduduk bekerja terus merekodkan pertumbuhan marginal 0.2 peratus pada Februari berbanding bulan sebelum, sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan seperti Perdagangan borong & runcit; Pendidikan dan Aktiviti kesihatan manusia & kerja sosial. Penduduk bekerja di sektor Pembuatan dan Pembinaan juga terus mencatatkan pertumbuhan positif bulan ke bulan. Peningkatan dalam pasaran buruh juga dipengaruhi oleh pertambahan perniagaan yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 2.0 serta pembukaan semula sekolah di seluruh negara.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, "Indeks Pelopor (IP) pada Februari 2021 menunjukkan Malaysia menuju ke arah ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan mendatang seperti ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan IP terlicin yang secara konsisten berada di atas trend dan bergerak ke atas. Selaras dengan prestasi statistik yang diterbitkan bagi bulan Januari dan Februari 2021 yang lebih baik, statistik bagi Mac 2021 akan merungkai persoalan dalam menentukan prestasi ekonomi Malaysia bagi Suku Pertama 2021 yang dijadual akan dikeluarkan pada 11 Mei 2021”.

Susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam talian (e-Census) diteruskan sehingga 30 Jun 2021. Kerjasama anda amat diperlukan kerana Data Anda Masa Depan Kita. Maklumat lanjut berkaitan Banci 2020 boleh diperolehi melalui portal banci iaitu [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**23 APRIL 2021**



**Department of Statistics  
M A L A Y S I A**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 4/2021**

**OPTIMISTIC ECONOMIC ENVIRONMENT DESPITE MOVEMENT  
RESTRICTION**

**PUTRAJAYA, 23<sup>rd</sup> APRIL 2021** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) published the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 4/2021**. This volume provides an analytical review of short-term statistical indicators based on the most recent statistics released by the department and features a box article entitled *Assessment On The Demand Of Malaysia Labour Market Using Online Job Vacancy Data*. The article highlights the labour market demand by embracing big data analytics.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, "More than sixteen months coping with the world health crisis has changed the way we live and work. The global effort to develop and distribute effective vaccines has raised hopes to a promising future. In the context of economy, Singapore Gross Domestic Product (GDP) for the first quarter of 2021 recorded a turnaround after three quarters of contraction with a marginal growth of 0.2 per cent year-on-year. Concurrently, China, as the world's second largest economy posted a sturdy growth of 18.3 per cent year-on-year mainly driven by the economic contraction in the same quarter of the preceding year (Q1 2020: -6.8%). The double-digit growth was driven by steady industrial production rebound, improvement in market sales, recovery in fixed-asset investment and noticeable momentum in foreign trade of goods".

Commenting on the country's economic situation in February 2021, the Chief Statistician said, "The main statistics for the first two months of the first quarter of 2021 indicate a path towards recovery despite the implementation of Movement Control Order (MCO) 2.0 and Conditional MCO in nearly all states. Industrial Production Index (IPI) grew 1.5 per cent in February 2021. The increase was driven by the Manufacturing index which grew 4.5 per cent supported by domestic and export-oriented products. In line with this, Malaysia's merchandise trade continued to expand with both exports and imports recording double-digit growth over the same month in 2020. Exports recorded the strongest year-on-year growth in 28 months, contributed by the expansion in domestic exports and re-exports. In view of the Agriculture sector, the price of crude palm oil marked the highest level in the past 13 years and the price has the potential to remain

*high in line with the current positive market sentiment. On the contrary, the rubber production saw a different outlook by posting a marginal decline as against February 2020. However, month-on-month comparison observed an increase following the activation on the Rubber Production Incentive (IPG) scheme nationwide to assist smallholders".*

*Looking into the prices' perspective, both indices showed increasing trend. The Producer Price Index local production which measures the costs for goods at the factory gate, rebounded year-on-year after experiencing negative growths for 11 consecutive months since March 2020. The Consumer Price Index marked the first positive turn in February 2021 since 11 months ago with 0.1 per cent year-on-year. This is viewed as a sign that Malaysia's inflation is making its return in the coming months following an upward trend in global oil prices influencing the fuel prices in the country which may cause the rise in prices of goods and services.*

*In terms of Labour market, year-on-year basis, the number of employed persons was still on a declining trend while the unemployment rate remained high. However, the number of employed persons continued to record marginal growth by 0.2 per cent in February as compared to the previous month, largely in particular segments of the Services sector such as Wholesale & retail trade; Education and Human health & social work activities. Employed persons in Manufacturing and Construction sectors also continued to register positive month-on-month growth. With more businesses permitted to operate during MCO 2.0 as well as the reopening of schools throughout the country had also caused increase in labour demand.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, "The Leading Index (LI) for February 2021 signals Malaysia is heading towards an economic uptick in the upcoming months as indicated by the growth rate of smoothed LI, which is consistently above trend and moving upwards. Thus, corresponding with better performances of published statistics for January and February 2021, the statistics for March 2021 will fit the missing parcel in determining Malaysia's economic performance for the First Quarter of 2021, which is scheduled to be released on 11<sup>th</sup> May 2021".*

*Following the implementation of the Movement Control Order (MCO), Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face-to-face and online (e-Census) are still ongoing until 30 June 2021. Your cooperation is highly appreciated as Your Data is Our Future. Further information on the Census 2020 can be obtained through the census portal [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
23<sup>rd</sup> APRIL 2021**